

28/10/2003

Pegawai PBT tidak cekap akan disingkir

PUTRAJAYA: Pegawai kanan dan ahli majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka berhadapan tindakan disingkir

kerana kelemahan mereka menjadi liabiliti kepada kejayaan kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata mereka yang dilantik dan dipilih harus sedar dalam jangka panjang, sebarang tindakan, termasuk amalan rasuah mempunyai kesan buruk terhadap populariti kerajaan.

"Amalan rasuah dan ketidakcekan bertugas mereka hanya merosakkan kerajaan. Jadi kita perlu cari jalan memastikan (ini tidak berlaku). Jika mereka tidak menunjukkan persembahan baik, kita mungkin memecat mereka," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Pelanggan e-perolehan dan e-spkb (sistem perancangan dan kawalan belanjawan elektronik 2003) di

Kementerian Kewangan (MOF) di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai pandangannya berikutan banyak aduan ketidakcekan dan amalan rasuah yang lebih cenderung membabitkan PBT berbanding agensi Kerajaan Pusat.

Kelmarin ketika merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) ke-50, Presidennya, Datuk M Kayveas mendakwa PBT sering dimanja dan dilindungi kerajaan negeri sehingga bergerak seolah-olah sebagai satu koloni dalam kerajaan.

Dr Mahathir yang ditanya mengenai usaha bagi mengatasi kelemahan pentadbiran PBT sebelum menjadi lebih buruk berkata, Kerajaan Pusat mempunyai kuasa untuk menyelia dan bertindak.

"Walaupun PBT di bawah kerajaan negeri, mereka boleh bekerjasama dengan

Kerajaan Pusat kerana kita mempunyai keupayaan penguatkuasaan. Itu sesuatu

tidak dimiliki negeri," katanya.

Beliau mendedahkan bagaimana ada kaunselor PBT tidak mahu memungut cukai

berikutan mahu melindungi populariti masing-masing di kalangan penduduk di

kawasan tadbirannya.

"Jadi mereka tidak kutip cukai dan lain-lain...jadi kita perlu paksa mereka," katanya.

Perdana Menteri juga berpendapat sistem pilihan raya bagi melantik anggota ke majlis daerah tidak dapat mengatasi masalah berhubung ketidakcekan dan kelemahan pentadbiran PBT.

"Saya biasa berkempen dalam pilihan raya majlis daerah. Perbahasan bukan

berkenaan keadaan bandar. Dia cakap pasal parti dia...dia bukan peduli pasal majlis daerah," katanya.

Beliau juga berkata, kerajaan sedar kesukaran mengatasi kelemahan

seperti rasuah walaupun meletakkan pelbagai usaha dan langkah.

"Tidak kira betapa selamat kaedah dirangka, akan ada yang membolosnya seperti pengklonan cek," katanya.

Mengenai Kementerian Kewangan, Dr Mahathir berkata, kementerian itu menjalankan tugas baik berdasarkan peningkatan kutipan cukai termasuk eksais, pendapatan dan korporat setiap tahun.

Beliau berkata, di negara tertentu, kerajaan mereka tidak dapat mengutip cukai sehingga hasil yang dikutip tidak sampai kepada kerajaan.

"Bagaimanapun, kita akan terus berusaha supaya kutipan cukai lebih cekap

dan tiada halangan amalan tidak baik seperti rasuah dan penyalahgunaan kuasa," katanya yang mengaku hampir mustahil mengatasi masalah itu.

"Saya tak percaya ada negara di dunia yang tak menghadapi masalah sama (rasuah dan penyalahgunaan kuasa). Tetapi yang penting prestasi kita jauh lebih baik daripada kebanyakan negara termasuk negara maju," katanya.